

DIUSUL OLEH	ISU	TINDAKAN (JABATAN/ BAHAGIAN)	ULASAN
<p>CADANGAN 2</p> <p>Encik Abu Bakar bin Abd. Talib</p> <p><u>JPP Zon 2</u></p>	<p>1. Beliau mencadangkan supaya MBAS mewujudkan satu kaedah siasatan di mana boleh mencari punca-punca yang menyebabkan orang ramai tidak menjelaskan bayaran cukai pintu. Mungkin juga pihak MBAS boleh cadangkan satu kaedah pembayaran yang lebih mudah.</p>	<p><i>Jabatan Kewangan</i></p>	<p>- Tiada kaedah sisatan khusus bagi mencari punca-punca menyebabkan orang ramai tidak membayar cukai pintu. Walaubagaimanapun melalui penguatkuasaan yang dilaksanakan dapat dirumuskan mengenai keengganan penduduk menjelaskan cukai pintu adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pegangan kosong/ tidak diduduki dan sukar dikesan pemilik sebenar. ii) Pemilik baru tidak mengemaskini maklumat pindah milik setelah membeli premis dan enggan menjelaskan tunggakan cukai taksira pemilik lama menyebabkan tunggakan semakin meningkat. iii) Pemilik berpendapatan rendah dan mempunyai banyak tanggungan dan lebih mengutamakan hutang bank (pinjaman kereta dan lain-lain) daripada membayar cukai pintu. iv) Tidak berpuas hati dengan perkhidmatan perbandaran dan enggan membayar cukai pintu. v) Alasan tidak menerima bil. <p>Kaedah pembayaran yang lebih mudah</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Bayaran secara ansuran ii) Bayarn di kaunter agen dan online banking (Pos Malaysia, SADA, BSN Maybank2u, CIMB, Bank Rakyat, Bank Islam, RHB, dan JOMPAY) iii) Kaunter UTC dibuka setiap hari kecuali cuti umum sehingga jam 10 malam iv) Bayar secara post dated cheque v) Kaunter pandu lalu vi) Mesin Kiosk vii) Melalui Potongan Gaji

Ulasan Datuk Bandar :

- Beliau menjelaskan pihak MBAS telah sediakan pelbagai medium dan kaedah untuk membayar cukai contohnya di UTC, kaunter untuk membayar cukai telah disediakan

bermula dari jam 8.30 pagi hingga 10.00 malam, segala urusan boleh dibuat melalui kaunter tersebut.

- Kiosk membayar cukai turut disediakan di hadapan pintu masuk pejabat Majlis Bandaraya Alor Setar dan urusanniaga boleh dilakukan dalam tempoh 24 jam.

- Orang awam boleh juga membayar cukai dengan menggunakan 'internet banking' dan pihak MBAS telah melantik 10 buah bank sebagai penerima cukai pintu. Perkara ini akan dipaparkan di laman sesawang sebagai pemakluman.

- YBhg. Datuk Bandar turut memaklumkan bayaran cukai pintu boleh dibuat di Cawangan Pokok Sena.

	<p>2. Syor supaya pihak MBAS membuat satu program anak angkat untuk setiap taman rekreasi supaya dapat meningkatkan tahap kebersihan serta penjagaan yang terancang.</p>	<p><i>Bahagian Rekreasi</i> <i>Landskap</i> &</p>	<p>MBAS bersama dengan JLN telah mewujudkan satu program Rakan Taman sejak Tahun 2015. Antara taman-taman yang terpilih untuk menyertai program Rakan Taman adalah Taman Mergong Jaya, Rumah Pangsa Alor Malai dan Flat Setia Jaya. Mana-mana taman yang berminat untuk menyertai Program Rakan Taman perlu menubuhkan jawatankuasa dan menghantar permohonan kepada MBAS.</p> <p>Ulasan Datuk Bandar :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Beliau menjelaskan pihak MBAS telah sediakan pelbagai medium dan kaedah untuk membayar cukai contohnya di UTC, kaunter untuk membayar cukai telah disediakan bermula dari jam 8.30 pagi hingga 10.00 malam, segala urusan boleh dibuat melalui kaunter tersebut. - Kiosk membayar cukai turut disediakan di hadapan pintu masuk pejabat Majlis Bandaraya Alor Setar dan urusanniaga boleh dilakukan dalam tempoh 24 jam. - Orang awam boleh juga membayar cukai dengan menggunakan 'internet banking' dan pihak MBAS telah melantik 10 buah bank sebagai penerima cukai pintu. Perkara ini akan dipaparkan di laman sesawang sebagai pemakluman. - YBhg. Datuk Bandar turut memaklumkan bayaran cukai pintu boleh dibuat di Cawangan Pokok Sena.
--	--	---	--

DIUSUL OLEH	ISU	TINDAKAN (JABATAN/ BAHAGIAN)	ULASAN
<p>CADANGAN 3</p> <p>Encik Lukman bin Mat Isa</p> <p><u>Persatuan Sejarah Malaysia</u> <u>Negeri Kedah</u></p>	<p>1. Mohon pihak MBAS jaga khazanah-khazanah sejarah yang ada di Bandaraya Alor Setar supaya ia dapat menarik pelancong-pelancong luar untuk datang ke Alor Setar. Beliau juga mohon pihak MBAS berurusan dengan pihak berkenaan supaya perkara ini diambil perhatian.</p> <p>2. Beliau mohon jika ada lagi program seperti ini, perlulah kiranya pihak MBAS mengedarkan 'handout' / nota kepada semua yang hadir untuk dijadikan sebagai medium untuk memaklumkan kepada orang awam berkaitan isu yang berbangkit.</p> <p>3. Bendera-bendera di Bandaraya Alor Setar tidak banyak dikibarkan pada Hari Kebangsaan serta tidak menampilkan semangat untuk menyambut Hari Kemerdekaan. Begitu juga dengan bangunan-bangunan lama yang tidak dicat semula serta kelihatan usang.</p>	<p><i>Bahagian Pelancongan, Sukan & Kebudayaan</i></p> <p><i>Bahagian Perancangan & Komunikasi Korporat</i></p> <p><i>Bahagian Pentadbiran</i></p> <p><i>Jabatan Perancangan Pembangunan</i></p>	<p>MBAS bekerjasama dengan agensi kerajaan dan badan NGO bagi memulihara khazanah sejarah yang sedia ada agar terus terpelihara</p> <p>a) Pembersihan berkala secara berterusan</p> <p>b) Projek membaikpulih khazanah-khazanah sejarah (dalam proses)</p> <p>c) Tinjauan yang kerap di setiap kawasan khazanah-khazanah sejarah tersebut</p> <p>Isu yang dibangkitkan telah dimaklumkan kepada jemputan melalui surat jemputan.</p> <p>Majlis telah memasang jalur gemilang sebanyak 1,500 kawasan sekitar Majlis Bandaraya Alor Setar</p> <p>MBAS telah menyenaraikan semua bangunan warisan dan bersejarah di dalam Rancangan Tempatan MBAS 2035 (Penggantian). Bangunan-bangunan ini akan dipelihara atau dipulihkan mengikut tindakan-tindakan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan. Disamping itu, mohon sumbangan dari pihak swasta/ NGO untuk membantu dari segi program mengecat bangunan dan pelaksanaan lukisan mural.</p>

			<ul style="list-style-type: none">- Beliau turut menyatakan perasaan kecewa kepada 'vandalisme' yang berlaku pada perkataan ikon ALOR SETAR di Medan Bandar.- Berkenaan dengan tandas awam pula, beliau menyatakan proses penyelenggaraan untuk membaiki tandas memerlukan kos yang banyak dan hasil dari cukai pintu dapat menampung perbelanjaan untuk penyelenggaraan tersebut.- Beliau turut memaklumkan pihak MBAS sedang melantik juru perunding untuk menaik taraf Medan Bandar termasuk Balai Seni, Muzium dan Balai Nobat.- Berkenaan dengan cadangan menaik taraf semua bangunan bersejarah dan bangunan usang, pihak MBAS akan bekerjasama dengan jabatan/pihak berkenaan kerana pihak MBAS tiada kuasa penuh dalam penyelenggaraan bangunan tersebut. Namun begitu, pihak MBAS akan bantu untuk pastikan bangunan-bangunan tersebut dihargai dan dinaik taraf.- Pagar di kawasan Medan Bandar mungkin akan diubahsuai mengikut kesesuaian supaya orang awam dapat menikmati keindahan ukiran bangunan-bangunan bersejarah di situ.- Pekan Cina dan Pekan Melayu akan dimasukkan sebagai cadangan untuk keindahan Bandaraya Alor Setar.
--	--	--	---

	<p>8. Penduduk di taman-taman perumahan yang masih tidak menjelaskan bayaran cukai pintu berkemungkinan adalah dari golongan taman perumahan kos rendah dan sederhana di mana mereka tidak mampu untuk membayar jumlah cukai yang dikenakan. Mohon kiranya pihak MBAS dapat menurunkan sedikit kenaan cukai pintu supaya tindakan ini dapat mengurangkan tunggakan yang sediaada.</p>	<p><i>Jabatan Kewangan</i></p>	<p>Cukai pintu tidak dapat dikurangkan kerana jumlah yang dikenakan adalah berpatutan dan MBAS telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri bagi maksud ini. MBAS juga masih menggunakan kadar lama iaitu kadar pada tahun 1993 untuk setiap kiraan cukai pintu yang dikenakan.</p>
--	---	--------------------------------	---

DIUSUL OLEH	ISU	TINDAKAN (JABATAN/ BAHAGIAN)	ULASAN
<p>CADANGAN 4</p> <p>Tuan Hj. Muhammad Ariff bin Hj. Ariffin</p> <p><u>Persatuan Pembayar-Pembayar Cukai Negeri Kedah</u></p>	<p>1. Cadang pihak MBAS dapat menjemput wakil dari jabatan-jabatan lain seperti PKNK, MARA, SADA, JPS dan lain-lain supaya mesej ini dapat disampaikan.</p>	<p><i>Bahagian Perancangan & Komunikasi Korporat</i></p>	<p>Ulasan Datuk Bandar :</p> <p>- Jabatan-jabatan lain telah dijemput lebih awal untuk program ini tetapi mungkin tiada wakil dari pihak berkenaan disebabkan tuntutan kerja hakiki. Walau bagaimanapun, jabatan-jabatan berkenaan telah dimasukkan dalam senarai jawatankuasa mesyuarat di MBAS sebagai wakil untuk berbincang mengenai isu berbangkit.</p>

DIUSUL OLEH	ISU	TINDAKAN (JABATAN/ BAHAGIAN)	ULASAN
<p>Cadangan 5</p> <p>Encik Mat Sobri Ahmad</p> <p><u>Persatuan Penjaja Kota Setar</u></p>	<p>1. Cadang Bandaraya Alor Setar dinaik taraf terutama bazar larut malam di Stadium Darul Aman yang mana ia merupakan satu-satunya tempat untuk kumpulkan orang ramai pada waktu malam. Oleh itu, jadikan bazar ini sebagai bazar berbumbung untuk dijadikan tempat riadah yang selesa. Kawasan tersebut juga boleh digunakan sebagai tempat letak kenderaan pada waktu siang.</p> <p>[Pengarah Jabatan Perancangan Korporat & Kemasyarakatan menjelaskan perlu mendapatkan pandangan dari pengguna lain dan penduduk sekitar].</p>	<p><i>Jabatan Kesihatan Persekitaran</i></p>	<p>Cadangan untuk menaiktaraf Uptown Stadium dalam perancangan MBAS untuk mencari tapak yang bersesuaian kerana tapak yang sediaada adalah milik Perbadanan Stadium. Bagi binaan kekal dan selesa faktor-faktor yang diambil kira adalah :-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Peniaga-peniaga Uptown ingin mengekalkan kawasan sediaada iaitu di Pusat Bandar ii) Peniaga ingin kawasan yang mudah bagi tempat letak kereta.

DIUSUL OLEH	ISU	TINDAKAN (JABATAN/ BAHAGIAN)	ULASAN
<p>Cadangan 9</p> <p>Encik Mohd Sham bin Mohd Isa</p> <p><u>JPP Zon 6</u></p>	<p>1. Air bertakung selama dua hari di Bangunan Tunku. Parit telah diselenggara tetapi masih tidak menyelesaikan masalah air bertakung. Mohon tambun tanah atau lakukan tindakan sewajarnya. Mungkin boleh dapatkan kerjasama dari pihak CIMB</p>	<p><i>Jabatan Kejuruteraan</i></p>	<p>Kerja-kerja menaiktaraf Dataran Tunku dimasukkan di dalam perancangan Bajet 2017.</p>
<p>Cadangan 10</p> <p><u>JPP Zon 5</u></p>	<p>1. Cadang masukkan cara-cara untuk mengurangkan kadar tunggakan cukai pintu. Mohon adakan cenderahati yang mencukupi kepada pembayar cukai.</p>	<p><i>Jabatan Kewangan</i></p>	<p>Cukai pintu tidak dapat dikurangkan kerana jumlah yang dikenakan adalah berpatutan dan MBAS telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri bagi maksud ini. MBAS juga masih menggunakan kadar lama iaitu kadar pada tahun 1993 untuk setiap kiraan cukai pintu yang dikenakan.</p> <p>Cenderahati diberi pada setiap awal tahun untuk pembayaran yang menjelaskan cukai pintu untuk setahun dan tiada tunggakan. Jumlah cenderahati adalah terhad dan diberi selagi stok masih ada.</p>

DIUSUL OLEH	ISU	TINDAKAN (JABATAN/ BAHAGIAN)	ULASAN
<p>Cadangan 11</p> <p>Encik Ahmad Farizan bin Hj. Daud</p> <p><u>Persatuan Pembayar Cukai Negeri Kedah</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mohon sediakan nota/'handout' untuk program seperti ini. 2. Premis milik MBAS banyak digunakan untuk menyimpan barang dan dijadikan seperti stor. Walaupun peniaga membayar sewa premis tetapi ia tetap salah dari segi konsep keusahawanan kerana ia merugikan. 3. Mohon penjelasan mengenai perkembangan saman dari pihak Kayangan Parking Sdn. Bhd. terhadap MBAS. <p>[Pengarah Jabatan Perancangan Korporat & Kemasyarakatan memaklumkan nota akan dimuat naik dalam laman sesawang MBAS].</p>	<p><i>Bahagian Perancangan & Komunikasi Korporat</i></p> <p><i>Bahagian Pengurusan Harta</i></p> <p><i>Bahagian Pengurusan Harta</i></p>	<p>Telah disediakan tentatif dalam surat panggilan</p> <p>Pihak Unit Sewaan telah dikeluarkan notis kepada peniaga-peniaga yang tidak buka kedai agar menjalankan perniagaan, mana-mana perniaga yang masih ingkar akan keluaran surat pembatalan.</p> <p>Status seperti ulasan Yang Berbahagia Datuk Bandar, masih dalam peringkat pengurusan kes dimahkamah Tinggi Alor Setar.</p> <p>Ulasan Datuk Bandar :</p> <p>- Beliau turut menjelaskan mengenai saman parking yang telah dikenakan oleh pihak Kayangan, bayaran pulangan balik yang telah dipersetujui dalam perjanjian tidak dipenuhi. Begitu juga dengan gaji penguatkuasa TLK yang tidak dibayar mengikut perjanjian yang dipersetujui. Disebabkan itu, pihak MBAS telah membuat keputusan untuk membatalkan perjanjian tersebut.</p>

DIUSUL OLEH	ISU	TINDAKAN (JABATAN/ BAHAGIAN)	ULASAN
<p>Cadangan 15</p> <p>Mohd Zaidi bin Hj. Zamri</p> <p><u>Cawangan Pejabat Zakat Negeri Kedah</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tandas awam yang tidak mencukupi menjadi salah satu isu yang timbul pada pelancong yang datang melawat Bandaraya Alor Setar yang mana tandas sediaada tidak dapat menampung jumlah pelancong yang begitu ramai pada satu-satu masa tertentu. 2. Tempat sasaran pelancong seperti Muzium di Makam Kg. Pisang tidak dinaik taraf. Mohon beri tumpuan untuk naik taraf kesan-kesan sejarah yang terdapat di sepanjang Zon B. 3. Cadang letakkan 'SELAMAT DATANG KE ALOR SETAR' dalam bahasa rumi dan jawi di Laluan Lebuh raya Pendang. 	<p><i>Jabatan Kejuruteraan</i></p> <p><i>Bahagian Pelancongan, Sukan & Kebudayaan</i></p> <p><i>Jabatan Kejuruteraan</i></p>	<p>MBAS sentiasa berusaha untuk menaiktaraf tandas-tandas awam di kawasan Bandaraya Alor Setar di mana pada tahun 2016 tandas awam di Taman Merdeka telah dinaik taraf dan terbaru ialah di Jalan Tunku Abdul Rahman Putra. Perancangan tahun 2017 ialah membina tandas awam baru di Dataran Medan Bandar.</p> <p>MBAS telah mendapat pengesahan daripada pihak Muzium Negeri Kedah dan mendapati tidak ada sebarang muzium di Makam Kampung Pisang. Kubur-kubur yang ada di sekitar Kampung Pisang masih belum lagi diisytiharkan sebagai Makam untuk dinaiktaraf.</p> <p>Tidak dapat dilaksanakan kerana tapak cadangan terletak di atas tanah persendirian.</p>